



**DR IRWAN SUBARI**

## Gapi utamakan mazhab Syafie

DALAM pada itu, mengulas lanjut modul Garis Panduan Ibadat Atlet (Gapi), ketua penelitinya, Dr. Irwan Mohd. Subri berkata, garis panduan ibadah yang digariskan dalam modul Gapi adalah menumpukan kepada aliran mazhab Syafie sebagaimana yang diguna pakai secara menyeluruh di Malaysia.

Walau bagaimanapun beliau yang juga Pengerusi Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) berkata, terdapat juga beberapa permasalahan kritikal yang terpaksa diselitkan dengan aliran tiga mazhab popular yang lain.

“Terdapat lima pembahagian utama yang digariskan dalam modul Gapi iaitu bab bersuci, solat jamak, puasa, menutup aurat dan makanan halal.

“Garis panduan ini ditetapkan bagi membantu memudahkan dan memberi panduan kepada atlet untuk melakukan ibadah dalam situasi yang boleh dikatakan kritikal. Lebih-lebih lagi apabila membabitkan pertandingan yang diluar negara.

“Kita menetapkan garis panduan ibadah ini dengan mengutamakan amalan aliran Mazhab Syafie sebagai rujukan utama. Namun, dalam sesetengah perkara yang tidak dapat dielakkan, kita terpaksa merujuk sedikit menggunakan aliran tiga mazhab lain setelah meneliti dalam semua aspek termasuk keperluan dan kesesuaian atlet,” katanya.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkata, kesedaran hukum syariah dalam kalangan atlet Islam dilihat semakin berkembang, justeru satu modul mengenai ibadah dan syariat perlu disebarluaskan sebagai rujukan.

“Ada atlet yang ingin dibantu. Tetapi kerana terdapat kekangan daripada pihak penganjur khususnya pertandingan anjuran luar negara, mereka terpaksa mengikut ketetapan penganjur tersebut.

“Daripada mereka terpaksa terus meninggalkan atau melakukan sesuatu yang bertentangan dengan syariat Islam, lebih baik melakukan yang termampu mengikut keadaan. Sama seperti apabila kita berada di Tanah Suci Mekah, diharuskan untuk mengikuti mazhab lain demi kelangsungan ibadah,” jelasnya.